

**STRATEGI BERSEPADU ANIH BERHAD BAGI PENGURUSAN TRAFIK DAN
KESIAPSIAGAAN DI TOL PLAZA UTAMA***Meningkatkan Kecekapan di Kawasan Trafik Padat Semasa Cuti Aidilfitri*

KUALA LUMPUR, 5 APRIL 2024 – Sempena kemeriahannya sambutan Hari Raya Aidilfitri yang semakin hampir, ANIH Berhad berada di barisan hadapan untuk memastikan pengalaman perjalanan yang lancar bagi semua. Sebagai langkah persediaan trafik cuti perayaan ini, ANIH Berhad telah mengeluarkan Jadual Cadangan Perjalanan (TTA) bagi tempoh 6 April hingga 7 April dan 13 April hingga 14 April, secara proaktif bersedia menghadapi peningkatan trafik semasa cuti.

ANIH Berhad menjangkakan peningkatan aliran trafik secara berperingkat ke Pantai Timur bermula dari 5 April hingga 9 April, manakala menghala ke arah Barat dari 11 April hingga 15 April. Dalam tempoh 11 hari, jumlah trafik dianggarkan sebanyak 1,954,000 buah kenderaan menggunakan Lebuhraya KL-Karak (KLK), dan 882,000 buah kenderaan di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1). Peningkatan jumlah kenderaan di KLK melebihi 60 peratus, manakala di LPT1 menyaksikan peningkatan yang tinggi melebihi 100 peratus semasa hari-hari puncak cuti hari raya berbanding purata trafik harian.

Di sepanjang Lebuhraya KLK dijangka kedua-dua Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Bentong akan mengalami kepadatan trafik yang tinggi begitu juga di Lebuhraya LPT1, iaitu di Plaza Tol Karak.

“ANIH Berhad telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan menyusun rancangan operasi yang strategik demi memastikan kelancaran lalulintas, terutamanya di zon-zon yang menjadi tumpuan”. Menurut Datin Radzimah Mohd Radzi, Pengurus Besar Kanan ANIH Berhad. “Jadual TTA telah dimuat naik di saluran media sosial serta laman sesawang kami untuk persiapan dan panduan pengguna lebuhraya pulang ke kampung atau bercuti sempena Aidilfitri ini. Para pengguna lebuhraya disaran untuk menyemak jadual tersebut bagi memastikan perjalanan lebih selesa, selamat dan efisien.” Tambah Radzimah

Di antara langkah-langkah yang akan diambil adalah penambahan kakitangan tol sebanyak 23 peratus iaitu lebih 400 kakitangan tol akan bertugas di waktu-waktu puncak bagi melancarkan aliran trafik di Plaza tol. Selain itu, lorong tol tambahan akan diaktifkan sekiranya berlaku peningkatan trafik.

Bagi mengoptimalkan pengurusan trafik di plaza tol, Kawasan Rehat & Rawat (R&R), dan hentian sebelah, seramai 217 ahli RELA akan ditempatkan di kawasan-kawasan strategik terutamanya di waktu-waktu puncak.

Penambahan sebanyak 20 peratus, iaitu 147 orang kakitangan bahagian trafik akan ditempatkan di Pusat Kawalan Trafik (TCC), LPT Ronda, Pasukan trafik dan trak tunda untuk membuat pemantauan, rondaan, bantuan kecemasan dan kemalangan kepada pengguna lebuhraya sepanjang 24 jam.

Pihak ANIH juga telah melaksanakan '*lane channelisation*' di Plaza Tol Gombak arah Barat untuk perjalanan ke Kuala Lumpur bertujuan untuk menyuraikan trafik dan mengelakkan kesesakan bagi pengguna yang menuju ke arah Ampang dan Batu Caves. Bagi pengguna yang ingin menuju ke Ampang disaran untuk menggunakan lorong kiri sebelum Plaza Tol Gombak. Manakala bagi pengguna yang ingin menuju ke Batu Caves, disarankan untuk menggunakan lorong kanan sebelum plaza tol tersebut.

Pengguna lebuh raya diingatkan supaya memberi keutamaan kepada keselamatan dan mengamalkan pemanduan yang berhemah. Gunakan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau hentian sebelah jika perlu. Patuhi tanda-tanda jalan, had laju dan arahan daripada petugas lebuh raya. Pastikan juga baki e-wallet dan kad Touch & Go sentiasa mencukupi. Rancanglah perjalanan sebaik mungkin demi keselesaan dan keselamatan semua.

Baru-baru ini, ANIH Berhad berkongsi rezeki dan keberkatan di acara Kongsi Barakah, melalui edaran 900 bekas bubur lambuk kepada para pengguna lebuhraya yang berada di Kawasan Rehat & Rawat Genting Sempah.

"Selain daripada perkongsian rezeki dalam menyumbang makanan untuk berbuka puasa, acara seperti ini dapat mewujudkan hubungan baik antara syarikat dengan para pengguna lebuhraya tidak kira bangsa dan agama," jelas Radzimah yang turut turun padang membuat penyediaan dan agihan bubur lambuk.

Selain itu, ANIH Berhad juga telah memberikan sumbangan wang tunai kepada 10 surau dan masjid di Pahang untuk penyediaan moreh dan memberi sumbangan dengan pembelian pakaian hari raya kepada empat buah rumah anak yatim sekitar negeri Pahang baru-baru ini.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, sila ikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook @Lebuhraya Pantai Timur dan X @LPTTrafik serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) @llmtrafiik. Sekiranya berlaku kecemasan, hubungi LPT-Line di 1-700-818-700 atau talian LLM di 1800-88-7752.

**Selamat Hari Aidilfitri kepada semua umat Islam.
"Pandu Selamat, Jiwa Selamat."**

-TAMAT-



ANIH BERHAD

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1), yang mencakupi Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1). Merentasi jarak dari Gombak pada KM 19.2 di Lembah Klang hingga ke Jabor pada KM 250.6 di Terengganu, LPT1 memendekkan masa perjalanan dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuh raya ANIH Berhad dikendalikan oleh Kumpulan MTD.

Pertanyaan Media

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

communications@mtdgroup.com.my

03 6195 1111